

04 APR 1999

Mahathir-Rawat

DR MAHATHIR DIRAWAT DI IJN

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini sejak Jumaat lepas kerana mengalami infeksi paru-paru sekembalinya dari menunaikan fardu Haji Rabu lepas.

Menurut kenyataan dua perenggan Pejabat Perdana Menteri hari ini, keadaan kesihatannya sekarang adalah stabil.

Bagaimanapun, para doktor menasihatkan agar Dr Mahathir tidak dikunjungi pelawat-pelawat untuk membolehkan beliau berehat sepenuhnya.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir dinasihatkan oleh para doktor di IJN yang biasa merawat beliau untuk berehat serta menjalani rawatan sepenuhnya.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN pada pukul 8 malam Jumaat lepas.

Perdana Menteri dijangka berada di IJN untuk beberapa hari, menurut kenyataan itu.

Berikut adalah teks penuh kenyataan akhbar Jabatan Perdana Menteri yang diterima Bernama pada pukul 3.15 petang ini.

Sekembalinya dari menunaikan fardu Haji pada hari Rabu, 31 Mac 1999 Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah mengalami infeksi paru-paru. Beliau telah dinasihatkan oleh para doktor di Institut Jantung Negara yang biasa merawat beliau untuk berehat serta menjalani rawatan sepenuhnya. Untuk tujuan ini Yang Amat Berhormat telah dimasukkan ke Institut Jantung Negara pada hari Jumaat, 2 April 1999 pukul 8 malam. Yang Amat Berhormat dijangka berada di Institut Jantung Negara untuk beberapa hari.

Kedaaan kesihatan Yang Amat Berhormat sekarang adalah stabil. Walau bagaimanapun, para doktor menasihatkan supaya Yang Amat Berhormat tidak dikunjungi oleh pelawat-pelawat untuk membolehkan beliau berehat sepenuhnya.

-- BERNAMA

KHY AKD